

Headline	Pemuda lancar beli Utusan, Kosmo!		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	17	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	272 cm ²
Journalist	MUKHATAR A. RAHMAN	AdValue	RM 5,425
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,275



Pemuda lancar beli Utusan, Kosmo!

Oleh MUKHATAR A. RAHMAN
 pengarang@utusan.com.my

■ KEMAMAN 30 OGOS

PERGERAKAN Pemuda UMNO Bahagian Kemaman hari ini menggerakkan kempen membeli akhbar *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* bagi menyokong syarikat akhbar itu yang kini berdepan krisis kewangan.

Ketuanya, Hashim Ali berkata, setiap ahli sayap diseru untuk melanggan secara berterusan akhbar keluaran Kumpulan Utusan bagi memastikan akhbar berkenaan terus kembali bernafas.

“Dengan melanggan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* se-

cara tidak langsung kita dapat membantu khazanah negara ini agar diterbitkan sampai bila-bila.

“Jika tidak mampu untuk membeli kedua-dua akhbar ini yang berharga RM3.50 sehari, kita seru mereka untuk melanggan akhbar digital (e-Paper) yang bernilai RM50 setahun,” katanya ketika ditemui di pasar minggu dan pasar tani Chukai di sini hari ini.

Kempen itu turut disertai Pengerusi Skwad Sabil Pemuda negeri, Mohd. Fadini Rahim dan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian Kemaman.

Hashim berkata, sebagai akhbar berbahasa Melayu tertua di Malaysia, jasa serta peranan *Utusan Malaysia* tiada tolok



HASHIM ALI (tengah) bersama ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Kemaman menunjukkan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* selepas melancarkan kempen membeli akhbar tersebut di pasar minggu dan pasar tani di Chukai, Kemaman, Terengganu, semalam.

bandingnya kepada masyarakat dan negara sejak sebelum mencapai kemerdekaan lagi.

“Oleh itu, *Utusan Malaysia* yang merupakan suara orang Melayu mesti kita pertahankan agar ia terus hidup untuk tatan generasi akan datang,” katanya.